

SEGERA



KENYATAAN MEDIA

PENGANJURAN PROGRAM HIGHWAY CONCESSION CONFERENCE (HCC) 2019

PULAU PINANG – 15 Julai 2019 :- Persidangan Konsesi Lebuhraya (Highway Concession Conference, HCC) 2019 telah berjaya menarik minat lebih 220 penyertaan daripada pemain industri lebuhraya dari dalam dan luar negara. Persidangan ini bertujuan untuk berkongsi aspirasi, pengalaman dan idea terhadap isu serta cabaran semasa yang dihadapi dalam industri lebuhraya bertol di Malaysia terutamanya berkaitan dengan aspek kewangan, operasi dan penyenggaraan lebuhraya.

Bertemakan “Enhancing Users Satisfaction Through Innovation and Financial re-Engineering”, persidangan ini bertepatan dengan usaha Kerajaan dan syarikat konsesi lebuhraya dalam memberikan kepuasan dan keselesaan pemanduan maksima kepada para pengguna lebuhraya.

Selain itu, persidangan ini juga memberi peluang kepada peserta untuk mempelajari teknologi dan kaedah terkini dalam penyenggaraan lebuhraya bertol, penggunaan bahan-bahan baharu dalam pembinaan lebuhraya dan reka bentuk inovatif lebuhraya.




Program HCC 2019 yang berlangsung daripada 15 hingga 16 Julai 2019 bertempat di Hotel Lexis Suite, Pulau Pinang telah dirasmikan oleh YB Tuan Baru Bian, Menteri Kerja Raya pada hari ini. Persidangan ini merupakan anjuran kali kedua Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), dengan kerjasama Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM).


Pada persidangan ini, LLM juga telah memberi pengiktirafan dan penganugerahan kepada penggiat industri lebuhraya bertol di Malaysia yang telah melaksanakan projek-projek pendigitalan lebuhraya yang lebih inovatif menerusi penyampaian

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Korporat | Lembaga Lebuhraya Malaysia

 : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 3193 |  : 03-87373555

 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @LLMrasmi /

 @LLMinfotrafik | aduan@llm.gov.my

SEGERA

Anugerah Highway Digitalization Excellence Award (HDEA). Tiga kriteria yang diambil kira dalam penilaian Anugerah HDEA ialah kebolehcapaian, keselamatan dan keselesaan pengguna lebuhraya bertol.

YB Menteri Kerja Raya dalam ucapannya berharap agar pemain industri lebuhraya akan terus menyokong serta melibatkan diri dalam seminar atau persidangan seumpama ini serta mendapat inspirasi untuk mengorak langkah dengan lebih maju bagi menjamin infrastruktur dan pengangkutan jalan yang terbaik.


Turut hadir dalam persidangan ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) YBhg. Dato' Abdul Razak Bin Jaafar dan Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia YBhg. Dato' Sr. Aziz bin Abdullah




Lembaga Lebuhraya Malaysia


15 Julai 2019

Dikeluarkan oleh:

Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Korporat | Lembaga Lebuhraya Malaysia

 : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2515 / 3193 |  : 03-87373555

 Laman Web : www.llm.gov.my |  Lembaga Lebuhraya Malaysia |  @LLMrasmi /

 @LLMinfotrafik| aduan@llm.gov.my